

PENGETAHUAN PEDAGOGI KANDUNGAN DALAM SIRAH DAN TAMADUN ISLAM: TINJAUAN FAKTOR DEMOGRAFI

(PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE IN SIRAH AND ISLAMIC CIVILIZATION: A DEMOGRAPHIC SURVEY)

SAILI, J.^{1*} – TAAT, M. S.²

¹ *Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

² *Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA Cawangan Sabah Kampus Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.*

**Penulis penghubung
e-mail: jahidihsaili[at]uitm.edu.my*

(Received 28th June 2024; revised 14th August 2024; accepted 23rd August 2024)

Abstrak. Pengetahuan pedagogi kandungan merupakan elemen penting dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam yang efektif. Namun, kajian khusus mengenai tahap PPK guru Pendidikan Islam masih terhad. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap PPK guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, serta menganalisis perbezaannya berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan. Seramai 266 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Sabah dipilih menggunakan prosedur pensampelan pelbagai peringkat. Data dikumpul menggunakan soal selidik dan dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap PPK guru Pendidikan Islam berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis ujian-t dan ANOVA menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap PPK berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Dapatan kajian menyokong kepentingan pembangunan profesional berterusan untuk meningkatkan PPK guru Pendidikan Islam, tanpa mengira jantina atau tempoh pengalaman mengajar. Kajian ini menyumbang kepada korpus pengetahuan mengenai PPK guru Pendidikan Islam dan membuka jalan untuk kajian lanjutan dalam bidang ini.

Katakunci: *pengetahuan pedagogi kandungan, Sirah dan Tamadun Islam, guru Pendidikan Islam, pembangunan profesional*

Abstract. Pedagogical content knowledge is a crucial element in the effective teaching of Islamic History and Civilization. However, specific studies on the level of pedagogical content knowledge (PCK) among Islamic Education teachers are still limited. Therefore, this study aims to identify the level of PCK among Islamic Education teachers in teaching Islamic History and Civilization, and to analyze its differences based on gender and teaching experience. This study employs a quantitative approach through a survey design. A total of 266 Islamic Education teachers in daily secondary schools in Sabah were selected using a multi-stage sampling procedure. Data were collected using a questionnaire and analyzed descriptively and inferentially. The findings of the study indicate that the level of PCK among Islamic Education teachers is at a moderately high level. T-test and ANOVA analyses show no significant differences in the level of PCK based on gender and teaching experience. The findings of the study support the importance of continuous professional development to enhance the PCK of Islamic Education teachers, regardless of gender or duration of teaching experience. This study contributes to the corpus of knowledge on the PCK of Islamic Education teachers and paves the way for further research in this field.

Keywords: *pedagogical content knowledge, Sirah and Islamic Civilization, Islamic Education teachers, professional development*

Pengenalan

Pengetahuan pedagogi kandungan (PPK) merupakan aspek penting dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam yang berkesan. PPK membolehkan guru mengintegrasikan pedagogi dan kandungan mata pelajaran secara bermakna, selaras dengan perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang telah membawa perubahan signifikan dalam lanskap pendidikan (Faisal dan Adnan, 2021). Perkembangan pesat TMK telah membuka ruang untuk guru memanfaatkan pelbagai pedagogi yang sesuai bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam. Oleh itu, guru Pendidikan Islam perlu menguasai PPK untuk memenuhi keperluan pembelajaran abad ke-21 dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang relevan serta menarik bagi pelajar (Awi dan Zulkifli, 2020). Penguasaan PPK membolehkan guru merancang dan melaksanakan pengajaran yang efektif dengan mengambil kira kepelbagaian latar belakang dan gaya pembelajaran pelajar (Kamal et al., 2022). Guru yang kompeten dalam PPK berupaya mengadaptasi pedagogi berdasarkan tahap kefahaman pelajar dan menyesuaikan kandungan mata pelajaran dengan konteks kehidupan sebenar (Hussin dan bin Tamuri, 2017). Hal ini dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar terhadap pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam serta memupuk kemahiran berfikir aras tinggi (Lasan et al., 2017). Oleh itu, penting untuk guru Pendidikan Islam memperoleh dan mengukuhkan PPK secara berterusan bagi memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang ini.

Walaupun terdapat peningkatan penyelidikan mengenai PPK dalam kalangan guru secara umum, kajian khusus mengenai tahap PPK guru Pendidikan Islam masih terhad (Hussin dan bin Tamuri, 2017). Jurang penyelidikan ini perlu ditangani untuk memahami tahap pengetahuan semasa dan keperluan guru Pendidikan Islam dalam aspek PPK. Pemahaman mendalam mengenai tahap PPK guru Pendidikan Islam adalah penting untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan sedia ada serta merangka strategi intervensi yang bersesuaian (Tajuddin dan Zulkifli, 2022). Analisis perbezaan tahap PPK berdasarkan faktor demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar juga perlu dilakukan untuk mengenal pasti keperluan khusus dan merancang program pembangunan profesional yang lebih terarah untuk kumpulan guru yang berbeza (Marzuki et al., 2020). Penerokaan pengaruh faktor demografi terhadap PPK guru Pendidikan Islam dapat memberi maklumat berharga tentang pengaruh ciri-ciri latar belakang guru terhadap pengetahuan dan amalan pedagogi mereka. Maklumat ini boleh digunakan untuk mereka bentuk program latihan dan sokongan yang lebih responsif kepada kepelbagaian dalam profesion perguruan. Justeru, jurang penyelidikan dalam PPK guru Pendidikan Islam ini perlu ditangani untuk memastikan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam dalam konteks pendidikan masa kini kekal relevan dan berkualiti.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap PPK guru Pendidikan Islam dan perbezaan tahap PPK berdasarkan faktor demografi jantina dan pengalaman mengajar dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Penilaian tahap PPK merangkumi aspek pengetahuan pedagogi, pengetahuan kandungan mata pelajaran, serta keupayaan untuk mengintegrasikan kedua-dua aspek tersebut dalam pengajaran (Rais et al., 2016). Dapatan kajian ini menyumbang kepada peningkatan PPK guru Pendidikan Islam dengan menyediakan maklumat empirikal mengenai tahap pengetahuan semasa dan faktor yang mempengaruhinya. Maklumat ini boleh dijadikan panduan untuk merancang program pembangunan profesional yang lebih relevan dan berkesan untuk guru Pendidikan Islam (Sallehin dan Ab Halim, 2018). Program latihan yang

disesuaikan dengan tahap pengetahuan dan keperluan khusus guru berpotensi untuk meningkatkan keberkesanan dan impak latihan tersebut (Zakaria et al., 2017). Selain itu, hasil kajian ini juga bermanfaat kepada pihak berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), institusi latihan perguruan, dan pentadbir sekolah dalam merancang dan melaksanakan inisiatif sokongan yang diperlukan oleh guru Pendidikan Islam untuk mengintegrasikan pedagogi berkesan dalam pengajaran. Dapatan kajian ini juga dapat memaklumkan penambahbaikan kurikulum latihan perguruan, pembangunan modul latihan dalam perkhidmatan, serta penyediaan sumber dan infrastruktur yang menyokong pengajaran berkualiti.

Tinjauan literatur

PPK merujuk kepada pengetahuan guru tentang interaksi dan pengaruh timbal balik antara pedagogi dengan kandungan mata pelajaran (Masingan dan Sharif, 2019). Ia merangkumi pemahaman mengenai pedagogi yang sesuai untuk mengajar konsep tertentu serta fungsi pedagogi dalam menyokong atau menghalang pembelajaran kandungan. Model PPK seperti dalam *Rajah 1* di bawah yang diperkenalkan oleh Shulman (1987) menggambarkan interaksi kompleks antara pengetahuan pedagogi dan kandungan. Model ini menekankan kepentingan pengintegrasian kedua-dua komponen pengetahuan ini untuk mencapai pengajaran yang berkesan. PPK merujuk kepada pengetahuan mengenai pedagogi yang sesuai untuk mata pelajaran, kemahiran menggunakan pedagogi untuk mewakili dan meneroka konsep mata pelajaran, serta keupayaan untuk menilai kesesuaian pedagogi bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran (Grossman et al., 2005). Komponen-komponen ini saling melengkapi antara satu sama lain dan membentuk asas PPK yang komprehensif. Guru yang menguasai PPK dapat mengintegrasikan pedagogi dengan kandungan mata pelajaran secara efektif, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Walau bagaimanapun, penguasaan PPK memerlukan usaha berterusan dari guru untuk mengemaskini pengetahuan dan kemahiran mereka seiring dengan perkembangan pesat pedagogi pendidikan. Guru juga perlu bijak menyesuaikan pedagogi dengan keperluan pelajar yang pelbagai dalam sesebuah bilik darjah untuk meraikan kemampuan murid yang pelbagai (Mustaffa et al., 2021).



Rajah 1. Pengetahuan Pedagogi Kandungan.
Sumber: Shulman (1987).

PPK memainkan peranan penting dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam yang berkesan. Guru perlu bijak mengenal pasti dan menggunakan pedagogi yang sesuai untuk menyampaikan konsep sejarah, budaya, dan nilai dalam Sirah dan Tamadun Islam dengan lebih jelas dan menarik (Awi dan Zulkifli, 2020). Aplikasi pedagogi dalam

pengajaran Sirah dan Tamadun Islam termasuklah penggunaan pelbagai strategi pengajaran seperti penceritaan, perbincangan, pembelajaran berasaskan projek, dan pembelajaran koperatif (Zakaria et al., 2017; Tamuri et al., 2012). Sebagai contoh, perbincangan membolehkan murid bertukar pendapat dan idea sesama mereka serta menyelesaikan sesuatu permasalahan secara berkumpulan (Shaari et al., 2017). Pedagogi-pedagogi ini berpotensi untuk membantu pelajar memahami peristiwa sejarah, menghayati nilai-nilai murni, dan menghubungkan Sirah dan Tamadun Islam dengan kehidupan kontemporari (Tajuddin dan Zulkifli, 2022). Walaupun pedagogi menawarkan pelbagai manfaat, akan tetapi terdapat beberapa cabaran mengenai integrasi pedagogi dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam termasuk kekurangan sumber pedagogi yang bersesuaian (Awi dan Zulkifli, 2020), keperluan untuk menyesuaikan pedagogi dengan objektif pembelajaran (Yulianingsih et al., 2017), serta kesukaran dalam menilai keberkesanan pedagogi dalam konteks Sirah dan Tamadun Islam. Guru perlu peka dengan cabaran-cabaran ini dan mengambil langkah proaktif untuk mengatasinya demi memastikan pengintegrasian pedagogi yang berkesan dalam pengajaran mereka (Mustapha et al., 2011) dan perlu kreatif dalam merancang aktiviti pengajaran agar dapat mewujudkan pembelajaran sirah yang bermakna serta dapat menarik minat murid (Awi dan Zulkifli, 2020).

Kajian lepas menunjukkan pengaruh faktor demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar terhadap PPK guru. Dalam aspek jantina, beberapa kajian mendapati bahawa guru perempuan cenderung mempunyai tahap PPK yang lebih tinggi berbanding guru lelaki (Ab Majid et al., 2021). Kajian oleh Zakaria et al. (2017) mendapati bahawa guru perempuan menunjukkan tahap motivasi dan minat yang lebih tinggi dalam pengajaran Sirah berbanding guru lelaki apabila menggunakan modul pengajaran koperatif. Walau bagaimanapun, dapatan ini tidak konsisten merentas pelbagai kajian, menunjukkan keperluan untuk kajian lanjut bagi mengesahkan pengaruh jantina terhadap PPK guru. Pengalaman mengajar juga dikaitkan dengan pembangunan PPK guru. Guru yang lebih berpengalaman didapati mempunyai tahap PPK yang lebih tinggi (Osman et al., 2018). Hal ini sekali gus menunjukkan bahawa pengalaman mengajar memberikan peluang kepada guru untuk mengembangkan dan mengintegrasikan pengetahuan pedagogi dan kandungan secara berterusan. Sebagai contoh, kajian oleh Anuar dan Razak (2022) mendapati bahawa guru yang berpengalaman menunjukkan tahap penerimaan yang lebih tinggi terhadap penggunaan kaedah gamifikasi dalam pengajaran Sirah berbanding guru baharu. Dapatan ini menyokong idea bahawa pengalaman mengajar memainkan peranan penting dalam pembangunan PPK guru.

Tinjauan literatur ini menyoroti kepentingan PPK dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, serta pengaruh faktor demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar terhadap pengetahuan ini. PPK membolehkan guru mengintegrasikan pedagogi dengan kandungan mata pelajaran secara bermakna, seterusnya meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam (Masingan dan Sharif, 2019). Walau bagaimanapun, pengintegrasian pedagogi dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam juga membawa cabaran tersendiri, seperti kekurangan sumber pedagogi yang bersesuaian (Awi dan Zulkifli, 2020) dan kesukaran menilai keberkesanan pedagogi (Yulianingsih et al., 2017). Kajian lepas juga menunjukkan pengaruh faktor jantina terhadap tahap PPK guru (Ab Majid et al., 2021), dan pengaruh pengalaman mengajar terhadap tahap PPK guru (Osman et al., 2018), walaupun dapatan ini tidak konsisten merentas semua kajian. Secara keseluruhannya, tinjauan literatur ini

menegaskan keperluan untuk kajian lanjut mengenai PPK dalam kalangan guru Pendidikan Islam, memandangkan kajian khusus dalam konteks ini masih terhad. Kajian seumpama ini dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang tahap PPK guru Pendidikan Islam, cabaran yang dihadapi, serta faktor yang mempengaruhi pembangunan pengetahuan ini. Dapatan kajian ini seterusnya dapat menyumbang kepada perancangan program pembangunan profesional guru yang lebih efektif bagi meningkatkan PPK mereka dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Tujuan kajian

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti tahap PPK dan perbezaan tahap PPK guru Pendidikan Islam berdasarkan aspek demografi dalam PdP Sirah dan Tamadun Islam. Secara khususnya, objektif, soalan kajian dan hipotesis kajian adalah seperti berikut.

Objektif kajian

Kajian ini dijalankan dengan objektif terdiri daripada: (1) Menenal pasti tahap PPK guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam; (2) Menganalisis perbezaan tahap PPK guru Pendidikan Islam berdasarkan jantina; and (3) Menganalisis perbezaan tahap PPK guru Pendidikan Islam berdasarkan pengalaman mengajar.

Soalan kajian

Kajian ini dibahagi kepada beberapa soalan kajian, iaitu: (1) Apakah tahap PPK guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam? (2) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap PPK antara guru lelaki dan perempuan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam? (3) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap PPK berdasarkan pengalaman mengajar guru dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam?

Hipotesis kajian

Terdapat dua hipotesis, iaitu:

H01: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap PPK antara guru lelaki dan perempuan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

H02: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap PPK berdasarkan pengalaman mengajar guru dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Instrumen dan Metod Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui reka bentuk tinjauan kerana dapat mengumpul data daripada responden yang ramai dan tersebar luas. Seramai 266 orang guru Pendidikan Islam di sekolah menengah harian di negeri Sabah dipilih menggunakan prosedur pensampelan pelbagai peringkat (multi-stage sampling procedure) iaitu kaedah pensampelan rawak berstrata bagi fasa satu, pensampelan kelompok bagi fasa dua dan tiga dan kaedah pensampelan rawak mudah bagi fasa empat. Instrumen kajian dibina dalam bentuk soal selidik 5 skala Likert dan disahkan

oleh 10 orang pakar dari segi kesahan muka dan kandungan. Data dikumpul secara dalam talian dan bersemuka dengan menghubungi responden terlebih dahulu. Seterusnya, data dianalisis menggunakan IBM Statistical Package for Social Sciences versi 26 secara deskriptif menggunakan min dan sisihan piawai serta inferensi menggunakan ANOVA. Interpretasi min tingkah laku afektif dalam kajian ini seperti dalam *Jadual 1* di bawah.

Jadual 1. Interpretasi min tingkah laku afektif Nunally.

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi (T)
3.01-4.00	Sederhana Tinggi (ST)
2.01-3.00	Sederhana Rendah (SR)
1.01-2.00	Rendah (R)

Dapatan dan Perbincangan Kajian

Dapatan kajian dibahagikan kepada dua bahagian iaitu analisis deskriptif dan analisis inferensi.

Analisis deskriptif

Jadual 2 merupakan profil responden yang terlibat dalam kajian ini, meliputi aspek jantina dan pengalaman mengajar. Berdasarkan data yang dipaparkan, dapat diperhatikan bahawa terdapat perbezaan yang agak ketara antara bilangan responden lelaki dan perempuan, dengan 116 orang (43.6%) responden lelaki dan 150 orang (56.4%) responden perempuan. Walau bagaimanapun, perbezaan ini masih boleh dianggap seimbang dan tidak terlalu besar. Seterusnya, dari segi pengalaman mengajar, majoriti responden, iaitu seramai 112 orang (42.1%), mempunyai pengalaman mengajar antara 4 hingga 10 tahun, diikuti oleh 78 orang (29.3%) yang telah mengajar selama 10 tahun ke atas, manakala 76 orang (28.6%) pula mempunyai pengalaman mengajar antara 1 hingga 3 tahun. Taburan pengalaman mengajar ini menunjukkan bahawa responden kajian terdiri daripada guru-guru yang mempunyai pelbagai tempoh pengalaman dalam bidang pendidikan, meliputi guru baharu mahupun guru yang telah lama berkhidmat, sekali gus dapat memberikan perspektif yang menyeluruh dalam kajian ini.

Jadual 2. Profil responden.

Bil.	Item	Kategori	Kekerapan (N)	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	116	43.6
		Perempuan	150	56.4
2	Pengalaman mengajar	1-3 tahun	76	28.6
		4-10 tahun	112	42.1
		10 tahun ke atas	78	29.3

Jadual 3 pula merupakan taburan min dan sisihan piawai bagi aspek PPK dalam kalangan responden kajian. Secara keseluruhannya, tahap PPK responden berada pada tahap yang tinggi, dengan min keseluruhan sebanyak 4.21 dan sisihan piawai 0.63. Apabila dianalisis secara terperinci, didapati bahawa responden mempunyai tahap pengetahuan yang paling tinggi dalam aspek mengetahui strategi pengajaran yang

sesuai bagi setiap topik yang diajar (min=4.50, SP=0.50), diikuti oleh aspek mengetahui hasil pembelajaran yang perlu dicapai dalam PdP (min=4.27, SP=0.66) dan menilai tahap kefahaman murid dalam PdP (min=4.37, SP=0.52). Walaupun aspek menghubungkan topik pelajaran dengan kehidupan sebenar mencatatkan min yang paling rendah (min=3.99, SP=0.71), namun ia masih berada pada tahap interpretasi yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa responden kajian, yang terdiri daripada guru-guru Pendidikan Islam, mempunyai PPK yang sangat baik, meliputi aspek perancangan, pelaksanaan, dan penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam.

Jadual 3. Taburan peratus, min dan sisihan piawai PPK.

PPK	Min	S.P	Interpretasi
Tahu hasil pembelajaran yang perlu dicapai dalam PdP.	4.27	0.66	Tinggi
Menguasai kurikulum bidang Sirah dan Tamadun Islam.	4.13	0.70	Tinggi
Tahu strategi pengajaran yang sesuai bagi setiap topik yang diajar.	4.50	0.50	Tinggi
Tahu mengurus kelas dengan baik ketika melaksanakan PdP.	4.00	0.71	Tinggi
Tahu menilai tahap kefahaman murid dalam PdP.	4.37	0.52	Tinggi
Tahu menghubungkan topik pelajaran dengan kehidupan sebenar.	3.99	0.71	Tinggi
Purata	4.21	0.63	Tinggi

Analisis inferensi

Jadual 4 merupakan hasil analisis ujian-t untuk mengenal pasti perbezaan tahap PPK antara guru lelaki dan perempuan. Berdasarkan jadual tersebut, dapat diperhatikan bahawa min skor PPK bagi guru lelaki ialah 4.20 (SP=0.19), manakala min skor PPK bagi guru perempuan pula ialah 4.22 (SP=0.19). Walaupun terdapat sedikit perbezaan antara min skor kedua-dua kumpulan, namun hasil ujian-t menunjukkan bahawa perbezaan ini tidak signifikan secara statistik ($t=-.864$, $p=.314$). Hal ini bermakna tahap PPK guru Pendidikan Islam adalah setara tanpa mengira jantina mereka. Dapatan ini memberikan gambaran bahawa faktor jantina tidak mempengaruhi tahap pengetahuan dan keupayaan guru dalam mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, sekaligus menunjukkan kesaksamaan dalam kualiti pengajaran antara guru lelaki dan perempuan.

Jadual 4. Ujian-t perbezaan tahap PPK berdasarkan jantina.

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Lelaki	116	4.20	.19	-.864	.314
Perempuan	150	4.22	.19	-.869	

Nota: *Signifikan pada aras $p<0.05$.

Jadual 5 pula merupakan hasil analisis ANOVA sehalu yang dijalankan untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap PPK berdasarkan pengalaman mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Berdasarkan data yang dipaparkan, dapat diperhatikan bahawa nilai $F(2, 263) = 0.126$ dengan nilai signifikan $p = 0.882$, iaitu lebih besar daripada aras signifikan yang ditetapkan ($p < 0.05$). Dapatan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan secara statistik dalam tahap PPK antara guru Pendidikan Islam yang mempunyai tempoh pengalaman mengajar yang berbeza. Hal ini bermakna bahawa tahap pengetahuan dan keupayaan guru dalam mengintegrasikan aspek pedagogi dan

kandungan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam adalah setara dan seimbang, tanpa dipengaruhi oleh faktor tempoh pengalaman mengajar mereka. Implikasi daripada dapatan ini ialah guru Pendidikan Islam, sama ada yang baharu menceburi bidang pendidikan mahupun yang telah lama berkhidmat, didapati mempunyai kompetensi dan kemahiran yang hampir sama dalam merancang, melaksana, dan menilai proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran tersebut, justeru mencerminkan kualiti pengajaran yang konsisten dan tidak dipengaruhi oleh perbezaan tempoh pengalaman mengajar.

Jadual 5. Lokasi kajian soal selidik.

Jantina	N	Min	SP	Nilai t	Sig. P
Anatara kumpulan	.010	2	.005	.126	.882
Dalam kumpulan	10.160	263	.039		
Jumlah	10.170	265			

*Nota: *Signifikan pada aras $p < 0.05$.*

Tahap PPK guru Pendidikan Islam yang tinggi dalam kajian ini menunjukkan bahawa guru mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang baik dalam mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Dapatan ini selaras dengan pandangan bahawa kejayaan dan keupayaan guru dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan berkait rapat dengan ketinggian ilmu serta kecekapan pedagogi di kelas (Hussin dan bin Tamuri, 2017). Kekuatan guru dalam aspek pengetahuan strategi pengajaran yang sesuai mencerminkan keupayaan mereka untuk menyesuaikan pendekatan pengajaran dengan kandungan yang diajar, selaras dengan kepelbagaian murid di dalam kelas yang menyebabkan guru perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka (Mustaffa et al., 2021). Walau bagaimanapun, aspek menghubungkan topik pelajaran dengan kehidupan sebenar masih boleh dipertingkatkan lagi. Ini kerana kegagalan murid melihat keperluan dan kepentingan sesuatu mata pelajaran dalam kehidupan seharian akan menjejaskan minat mereka untuk mempelajarinya (Noraziah et al., 2018). Justeru, guru perlu memodelkan konsep yang abstrak dengan mengaitkan pembelajaran kepada persekitaran murid secara main peranan (Seliaman dan Dollah, 2018). Masalah dalam kehidupan sebenar juga dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah dan motivasi pembelajaran murid (Tajuddin dan Zulkifli, 2022). Secara keseluruhannya, tahap PPK guru Pendidikan Islam yang tinggi merupakan petunjuk positif bagi kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Namun begitu, penambahbaikan berterusan perlu dilakukan terutamanya dalam aspek mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar murid.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi tahap PPK guru Pendidikan Islam secara signifikan. Ini bermakna guru lelaki dan perempuan mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang setara dalam mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Kesetaraan ini mungkin disebabkan oleh akses dan peluang yang sama untuk membangunkan PPK melalui latihan dan pengalaman mengajar, tanpa mengira jantina guru. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menganjurkan pelbagai kursus bagi menyediakan guru dengan kemahiran menggunakan platform pembelajaran secara digital serta membina bahan pembelajaran untuk membantu pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) tanpa membezakan jantina guru (Nasir dan Mansor, 2021). Kesetaraan tahap PPK antara guru lelaki dan perempuan adalah positif kerana ia mencerminkan kesaksamaan dalam kualiti pengajaran Sirah dan Tamadun Islam tanpa

mengira jantina guru. Ini selaras dengan prinsip kesaksamaan dalam pendidikan yang menekankan peluang pembelajaran yang adil dan saksama untuk semua murid tanpa mengira perbezaan latar belakang (Jawan dan Mahamod, 2021). Walau bagaimanapun, kajian lanjutan mungkin diperlukan untuk mengesahkan dapatan ini dalam konteks yang lebih luas, memandangkan terdapat kajian lepas yang menunjukkan pengaruh jantina terhadap amalan pengajaran guru (Kamaruzaman dan Alias, 2020). Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa jantina guru tidak mempengaruhi tahap PPK dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, dan ini merupakan petunjuk positif bagi kesaksamaan dalam kualiti pengajaran mata pelajaran tersebut.

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap PPK guru Pendidikan Islam secara signifikan. Ini bermakna guru dengan pelbagai tempoh pengalaman mengajar, sama ada guru baharu atau guru berpengalaman, mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang setara dalam mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Kesetaraan ini mungkin disebabkan oleh peluang yang sama untuk membangunkan PPK melalui latihan dalam perkhidmatan dan pembelajaran profesional berterusan, tanpa mengira tempoh pengalaman mengajar guru. Sebagai contoh, guru baharu dan guru berpengalaman mempunyai akses kepada kursus-kursus dalam perkhidmatan yang dianjurkan oleh KPM untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pedagogi mereka (Nasir dan Mansor, 2021). Kesetaraan tahap PPK merentas tempoh pengalaman mengajar mencadangkan bahawa guru baharu dan guru berpengalaman mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang setara dalam mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam. Ini mungkin kerana pembangunan PPK merupakan proses berterusan yang melibatkan pembelajaran sepanjang hayat dan refleksi sendiri guru, tanpa mengira tempoh pengalaman mengajar mereka (Mustaffa et al., 2021). Walau bagaimanapun, dapatan ini mungkin berbeza dengan kajian lepas yang menunjukkan pengaruh pengalaman mengajar terhadap amalan pengajaran guru (Le Yee dan Mohamed, 2021; Kamaruzaman dan Alias, 2020). Justeru, kajian lanjutan diperlukan untuk mengesahkan dapatan ini dalam konteks yang lebih luas dan menyelidik faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi tahap PPK guru Pendidikan Islam. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap PPK guru Pendidikan Islam secara signifikan, dan ini menekankan kepentingan pembangunan profesional berterusan untuk semua guru tanpa mengira tempoh pengalaman mengajar mereka.

Dapatan kajian ini menyokong kepentingan PPK dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam yang berkesan. PPK membolehkan guru mempersembahkan sesuatu konsep menggunakan pelbagai strategi seperti analogi, lakonan, ilustrasi, contoh, penerangan dan demonstrasi (Patric dan Rosli, 2019). Ini dapat memudahkan kefahaman murid dan menjadikan pembelajaran lebih bermakna. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa faktor demografi seperti jantina dan pengalaman mengajar tidak mempengaruhi tahap PPK guru Pendidikan Islam secara signifikan. Ini mencadangkan bahawa guru Pendidikan Islam, tanpa mengira jantina atau tempoh pengalaman mengajar, mempunyai tahap pengetahuan dan kemahiran yang setara dalam mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran mereka. Implikasi dapatan ini terhadap amalan pengajaran Sirah dan Tamadun Islam termasuk keperluan untuk guru terus membangunkan dan mengekalkan tahap PPK yang tinggi melalui pembelajaran profesional berterusan, tidak kira jantina atau tempoh pengalaman

mengajar mereka. Guru perlu sentiasa bersedia memperbaiki diri dan mengubah pendekatan pengajaran selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan kerjaya semasa (Ab Hakim dan Iksan, 2018). Dari segi dasar dan perancangan pendidikan, dapatan ini menekankan kepentingan merangkumi pembangunan PPK dalam program latihan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan guru Pendidikan Islam, dengan memastikan peluang pembangunan profesional yang saksama untuk semua guru. Program pembangunan profesional yang komprehensif dan inklusif dapat memastikan guru Pendidikan Islam sentiasa dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran terkini untuk mengintegrasikan pedagogi dan kandungan dalam pengajaran mereka dengan berkesan.

Kesimpulan

Kajian ini telah meneliti tahap PPK guru Pendidikan Islam dalam pengajaran Sirah dan Tamadun Islam, serta perbezaannya berdasarkan faktor jantina dan pengalaman mengajar. Dapatan utama kajian ini menunjukkan tahap PPK yang tinggi dalam kalangan guru Pendidikan Islam, tanpa perbezaan yang signifikan berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar. Dapatan ini memberikan gambaran positif mengenai tahap semasa PPK guru Pendidikan Islam dan menunjukkan bahawa faktor jantina dan pengalaman mengajar tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap PPK mereka. Objektif kajian ini telah berjaya dicapai melalui analisis data yang dikumpulkan daripada sampel guru Pendidikan Islam yang mengajar Sirah dan Tamadun Islam. Dapatan kajian ini menyokong kepentingan PPK dalam pengajaran yang berkesan, selaras dengan pandangan bahawa kejayaan dan keupayaan guru dalam menghasilkan pengajaran yang berkesan berkait rapat dengan ketinggian ilmu serta kecekapan pedagogi di kelas. Kajian ini juga menyumbang kepada korpus pengetahuan mengenai PPK guru Pendidikan Islam dan membuka jalan untuk kajian lanjutan dalam bidang ini.

Berdasarkan dapatan kajian ini, adalah dicadangkan agar program pembangunan profesional guru Pendidikan Islam terus memberi penekanan kepada peningkatan PPK, terutamanya dalam aspek menghubungkan topik pelajaran dengan kehidupan sebenar. Aspek ini didapati masih boleh dipertingkatkan lagi walaupun tahap PPK guru secara keseluruhan adalah tinggi. Ini kerana menghubungkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar murid dapat meningkatkan minat, motivasi, dan kefahaman mereka terhadap Sirah dan Tamadun Islam (Awi dan Zulkifli, 2020). Strategi untuk mengekalkan dan meningkatkan PPK guru mungkin termasuk perkongsian amalan terbaik, lesson study, dan refleksi sendiri terhadap amalan pengajaran. Perkongsian amalan terbaik antara guru dapat menggalakkan pertukaran idea dan strategi pengajaran yang berkesan (Hussin dan bin Tamuri, 2017). Lesson study pula melibatkan kerjasama antara guru untuk merancang, melaksana, dan menilai pengajaran secara kolaboratif (Anuar dan Razak, 2022). Refleksi sendiri membolehkan guru menilai kekuatan dan kelemahan pengajaran mereka serta mengenal pasti aspek yang memerlukan penambahbaikan (Mustaffa et al., 2021). Melalui strategi-strategi ini, guru Pendidikan Islam dapat terus meneroka dan memperbaiki integrasi pedagogi dan kandungan dalam pengajaran mereka.

Kajian ini membuka ruang untuk kajian lanjutan yang boleh meneliti faktor-faktor lain yang mungkin mempengaruhi PPK guru Pendidikan Islam, seperti latar belakang pendidikan, jenis sekolah, dan lokasi sekolah. Kajian kualitatif yang meneroka amalan

PPK guru dalam konteks sebenar bilik darjah juga dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam mengenai bagaimana PPK diterjemahkan ke dalam pengajaran. Kajian seumpama ini dapat menggunakan kaedah pemerhatian, temu bual, dan analisis dokumen untuk mendapatkan data yang kaya dan terperinci mengenai amalan PPK guru. Selain itu, kajian perbandingan antara PPK guru Pendidikan Islam dan guru mata pelajaran lain juga dapat memberikan pandangan mengenai persamaan dan perbezaan dalam integrasi pedagogi dan kandungan merentas disiplin. Kajian perbandingan ini dapat mengenal pasti amalan terbaik yang boleh dikongsi antara guru pelbagai mata pelajaran untuk meningkatkan kualiti pengajaran secara keseluruhan. Dapatan daripada kajian-kajian lanjutan ini dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih komprehensif mengenai PPK guru dan memaklumkan usaha pembangunan profesional guru yang lebih berkesan.

Penghargaan

Kajian ini ialah dibiayai oleh pengarang.

Konflik Kepentingan

Pengarang mengesahkan bahawa tidak ada konflik kepentingan dengan mana mana pihak yang terlibat dalam penyelidikan ini.

RUJUKAN

- [1] Ab Hakim, N.A., Iksan, Z. (2018): Pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru terhadap pembelajaran berasaskan masalah (PBM) dalam mata pelajaran Sains. – In Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018) 5: 11p.
- [2] Ab Majid, M.R., Aziz, A., Ismail, Z., Yusof, C.M.Z., Othman, M.A. (2021): Model Kreativiti Pengajaran Guru Bahasa Arab di Malaysia Berdasarkan Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (TPACK). – International Journal of Education and Training 7: 1-11.
- [3] Anuar, A.S., Razak, K.A. (2022): Penggunaan “Augmented Reality” di dalam pengajaran sirah. – International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE) 2(2): 56-67.
- [4] Awi, N.A.L., Zulkifli, H. (2020): Kaedah Fan-N-Pick dalam Pembelajaran Sirah Pendidikan Islam: Fan-N-Pick Method in The Learning of Sirah in Islamic Education. – ATTARBAWIY: Malaysian Online Journal of Education 4(2): 61-69.
- [5] Faisal, S.A.M., Adnan, N.H. (2021): Tahap kesediaan dan penerimaan guru dalam mempraktikkan penggunaan teknologi digital RI 4.0 sebagai bahan bantu mengajar dalam pendidikan rendah. – International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education 1(3): 66-80.
- [6] Grossman, P.L., Wilson, S.M., Shulman, L.S. (2005): Teachers of substance: Subject matter knowledge for teaching. – Profesorado, Revista de Currículum y Formación Del Profesorado 9(2): 1-25.
- [7] Jawan, H., Mahamod, Z. (2021): Kaedah dan cabaran pengajaran terbeza dalam meningkatkan penguasaan membina ayat Bahasa Melayu murid sekolah rendah. – Jurnal Dunia Pendidikan 3(1): 67-77.
- [8] Hussin, N.H., bin Tamuri, A.H. (2017): Faktor Perkembangan Pengetahuan Kandungan Pedagogi dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam. – The Online Journal of Islamic Education 5(2): 20-28.

- [9] Kamal, N.M.M., Hussin, Z., Sulaiman, A.M. (2022): Elemen Kolaborasi Dalam Pengajaran Guru Pendidikan Islam Melalui Pendekatan Heutagogi. – *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(1): 372-386.
- [10] Kamaruzaman, N.I., Alias, A. (2020): Hubungan antara pengetahuan dengan sikap guru sekolah kebangsaan pendidikan khas terhadap pembelajaran kolaboratif. – *Journal of Educational Research & Indeginous Studies* 1(1): 1-11.
- [11] Lasan, T.R.T., Noh, M.A.C., Hamzah, M.I. (2017): Pengetahuan, sikap dan kesediaan murid terhadap kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam mata pelajaran Tasawwur Islam. – *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 3(1): 15-28.
- [12] Le Yee, C., Mohamed, S. (2021): Kemahiran guru dalam mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pembelajaran di prasekolah. – *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 44-53.
- [13] Masingan, C.B., Sharif, S. (2019): Pengetahuan pedagogi kandungan (ppk) guru bukan pengkhususan reka bentuk dan teknologi (rbt) di sekolah menengah. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4(6): 64-71.
- [14] Marzuki, N.A.A., Tahir, Z., Nasri, N.M. (2020): Penguasaan Kemahiran Teknologi Komunikasi dan Maklumat (ICT) Terhadap Kecekapan Kerja. – *e-BANGI Journal* 17(9): 140-157.
- [15] Mustapha, R.C., Jamsari, E.A., Zakaria, N., Talib, N.M. (2011): Permasalahan pengajaran guru Pendidikan Islam bagi Komponen Tamadun Islam: Satu pemerhatian awal di sekolah menengah daerah Sepang, Selangor. – *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN): Ulama Pemacu Transformasi Negara* 5p.
- [16] Mustaffa, Z., Hussin, Z., Sulaiman, A.M. (2021): Tahap pengetahuan kurikulum dan amalan pedagogi terbeza guru-guru Pendidikan Islam Zon Selatan Malaysia. – *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 7(2): 1-11.
- [17] Nasir, N.M., Mansor, M.B. (2021): Cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPr): Suatu pemerhatian awal. – *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 6(7): 416-421.
- [18] Noraziah, M.Y., Mohd Aderi, C.N., Khadijah, A.R. (2018): Kepelbagaian kecerdasan pelajar dalam PDPC Sirah: Keperluan pengajaran efektif. – In *Proceedings of the 5th International Conference on Research in Islamic Education and Arabic Language 2018 (ICRIALE 2018)*, Association of Malaysian Muslim Intellectuals 7p.
- [19] Osman, J., Mohamad, J.B., Ahmad, A.N., Razali, J.R. (2018): Strategi pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang: Malay language teaching and learning strategy among international students at Universiti Malaysia Pahang. – *PENDETA* 9: 61-79.
- [20] Patric, N., Rosli, R. (2019): Pengetahuan Pedagogi dan Isi Kandungan Guru Opsyen Matematik dalam Pengajaran Topik Pecahan. – *Jurnal Dunia Pendidikan* 2(1): 92-101.
- [21] Rais, A.R.M., Ahmad, A.R., Abd Hadi, N.A. (2016): Kompetensi Guru Terhadap Aplikasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pengajaran dan Pembelajaran. – In *Proceeding 7th International Seminar on Regional Education* 1: 79-89.
- [22] Sallehin, S.A., Ab Halim, F. (2018): Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. – *Online Journal for TVET Practitioners* 7p.
- [23] Seliaman, N., Dollah, M.U. (2018): Pengajaran Matematik Sekolah Rendah menggunakan pendekatan Kontekstual: Satu kajian kes: Teaching Mathematics using Contextual Approach in Primary School: A Case study. – *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia* 8(1): 74-81.
- [24] Shaari, A.S., Ghazali, M.I., Mohd Yusoff, N., Awang, M.I. (2017): Amalan pedagogi berpusatkan pelajar dan masalah yang dihadapi guru-guru pelatih program pensiswazahan guru untuk mengamalkan pedagogi berpusatkan pelajar semasa praktikum. – *Proceedings of the ICECRS* 1(1): 599-608.

- [25] Shulman, L. (1987): Knowledge and teaching: Foundations of the new reform. – Harvard Educational Review 57(1): 1-23.
- [26] Tajuddin, M.F.A., Zulkifli, H. (2022): Faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan pengetahuan isi kandungan (PIK) Bidang Jawi dalam kalangan guru Pendidikan Islam. – International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education 2(1): 56-72.
- [27] Tamuri, A.H., Ismail, M.F., Jasmi, K.A. (2012): Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam [Basic components for Islamic Education teacher training]. – Global Journal Al-Thaqafah 2(2): 53-63.
- [28] Yulianingsih, T., Chumdari, Lestari, L., Rintayati, P. (2017): Penerapan Model Course Review Horay Berbasis Eksperimen untuk Meningkatkan Pemahaman Konsep Energi Panas dan Bunyi pada Siswa Sekolah Dasar. – Didaktika Dwija Indria 5(4): 1-6.
- [29] Zakaria, S.R., Hamzah, M.I., Razak, K.A. (2017): Penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran pensyarah Pendidikan Islam di politeknik zon selatan. – Tinta Artikulasi Membina Ummah 3(1): 29-41.